

Musang

PENGENALAN

- Musang adalah haiwan mamalia yang turut menjadi perosak tanaman koko. Simptom serangan musang dapat dibezakan dengan haiwan lain, terutama melihat kepada buah yang baru diserang.

SIMPTOM

- Buah yang ditebuk berlubang dan seringkali meninggalkan separuh daripada buah tergantung di atas pokok.
- Serpihan-serpihan kulit koko berada di lantai tanah di kawasan buah yang digigit.
- Kadangkala ditemui gumpalan-gumpalan najis yang mengandungi biji-biji koko yang melekat antara satu sama lain.
- Serpihan kulit koko lebih besar jika dibandingkan dengan serangan tupai.
- Terdapat kesan gigitan pada tinggalan buah.

PENGAWALAN

- Amalan kultura yang baik dapat mengawal sedikit sebanyak serangan musang.
- Kekerapan mengutip buah yang masak dan hampir masak, kerana musang memakan buah koko yang telah hampir masak.
- Memasang perangkap yang diletakkan umpan seperti isi kelapa.



Gambar Perosak



Gambar Simptom Kerosakan